



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**12 Disember 2022
17 Jamadilawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• 'Nak dapat RM50 sehari pun susah'
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
The Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		29	12.12.2022

'Nak dapat RM50 sehari pun susah'

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
 utusannews@mediamuka.com.my

KANGAR: Shahrir Senapi, 65, hanya mampu termenung mengenangkan nasib diri dan rakan-rakan nelayan lain di negeri ini apabila hasil tangkapan mereka semakin hari semakin berkurangan sehingga menjejaskan pendapatan.

Hasil tangkapan mereka difahamkan berkurangan sehingga 70 peratus disebabkan pelbagai faktor antaranya cuaca tidak menentu ketika ini selain pencerobohan nelayan luar menangkap siput retak seribu di perairan negeri ini.

Meluaskan kekusaran itu kepada *Utusan Malaysia*, Shahrir yang sudah lebih 50 tahun mencari rezeki sebagai nelayan berkata, sebelum ini, mereka memperoleh pendapatan seki-

tar RM200 ke RM300 sehari, namun jumlah itu berkurangan berikutan hasil tangkapan yang semakin terjejas.

Kata Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Negeri Perlis (Pelaris) itu, kebelakangan ini, nelayan hendak memperoleh pendapatan RM50 sehari agak sukar.

"Sekarang nak dapat RM50 pun susah malah kadangkala pendapatan yang diperoleh itu tidak mencukupi untuk membuat modal bagi membayar upah awak-awak dan mengisi diesel bagi enjin bot.

"Situasi ini sekali gus menjejaskan perbelanjaan harian kami dan hanya sekadar cukup makan," katanya.

Shahrir berkata, perubahan cuaca yang mana angin Barat bertukar ke Timur ketika ini juga menjadi faktor kepada

permasalahan berkenaan.

Malah, katanya, kekurangan hasil tangkapan itu semakin meruncing apabila berlakunya pencerobohan nelayan luar di sekitar perairan Kuala Perlis.

"Nelayan luar banyak mengambil kesempatan untuk masuk ke perairan di sini malah ada di antaranya turut mengaut hasil laut seperti siput retak seribu yang diharamkan penangkapan di negeri ini.

"Tindakan nelayan luar yang menangguk siput di perairan negeri ini telah menyebabkan ekosistem dasar laut di perairan ini terganggu sehingga membuatkan ikan-ikan tidak lagi tertumpu di sini berikutan bau tanah busuk kerana aktiviti itu.

"Keadaan ini menyebabkan pengurangan hasil bagi tangkapan kami pada setiap hari," katanya.



SHAHARIM Senapi merenung jauh mengenangkan nasibnya dan rakan-rakan nelayan lain di Perlis yang terjejas ekoran hasil tangkapan semakin berkurangan. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN